



TEKS UCAPAN

**YAB DATO' SERI DR. WAN AZIZAH DR. WAN ISMAIL
TIMBALAN PERDANA MENTERI**

PERASMIAN PENUTUPAN

**SIMPOSIUM PERSAINGAN SETARA DAN KOS SARA
HIDUP "SEIRING DAN SEJALAN".**

PUTRAJAYA

HOTEL LE MERIDIEN PUTRAJAYA

12 NOVEMBER 2019 (SELASA)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Terima kasih saudara/i Pengerusi majlis.

[SALUTATIONS] – TBC.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

dan Salam Sejahtera

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah, rahmat dan izin-Nya, dapat kita semua hadir pada tengahari ini ke "Simposium Persaingan Setara dan Kos Sara Hidup 'Seiring dan Sejalan'".

Terima kasih di atas jemputan untuk merasmikan penutupan Simposium ini yang merupakan anjuran bersama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) melalui Tribunal Rayuan Persaingan (TRP) dan Unit Undang-Undang Persaingan dan Polisi, Fakulti Undang-Undang Universiti Teknologi MARA, Kampus Shah Alam.

Hadirin hadirat yang dimuliakan,

1. Tajuk Simposium hari ini iaitu **PERSAINGAN SETARA DAN KOS SARA HIDUP “SEIRING DAN SEJALAN”** mempunyai impak yang besar terhadap kesejahteraan ekonomi negara dan rakyat.

Isu kos sara hidup memang dekat di hati saya dan Kerajaan pimpinan Pakatan Harapan memberi perhatian khusus ke atasnya kerana pelbagai kesan negatif boleh berlaku jika ia tidak ditangani dengan berkesan.

Sebagai contoh, apabila harga barangan atau harga perkhidmatan meningkat, ini

bermakna kos sara hidup juga akan meningkat.

Ini menyebabkan ketua isi rumah terpaksa bekerja lebih masa untuk memperolehi pendapatan tambahan.

Ia bukan sahaja memberikan masalah sosial kerana kurangnya masa bersama keluarga tetapi turut berpotensi memberikan kesan psikologi kerana tekanan perasaan serta keletihan yang melampau.

2. Apakah faktor yang boleh menentukan kos sara hidup keluarga di Malaysia?

Faktor **ekonomi negara, kadar inflasi, peluang pekerjaan, jaminan bekalan, dan kejatuhan nilai wang ringgit Malaysia** antara yang sering dikaitkan sebagai penentu kos sara hidup.

Dalam Simposium pada hari ini pula, kita didedahkan dengan **amalan anti-persaingan** yang juga turut menjadi punca kepada kenaikan kos sara hidup, dan ia telah dikupas oleh pakar-pakar yang menjadi penceramah dan ahli panel pada hari ini.

3. Penguatkuasaan **Akta Persaingan 2010** adalah penting terutamanya dalam membentuk pasaran yang kompetitif dan sihat dengan melindungi proses

persaingan untuk kepentingan pengguna, perniagaan dan ekonomi.

Di samping itu, ia juga dapat memupuk kecekapan, inovasi serta memangkin sifat keusahawanan untuk menghasilkan produk atau perkhidmatan yang pelbagai dan berkualiti tinggi dengan harga yang berpatutan demi menjamin kesejahteraan pengguna.

4. Seterusnya, pasaran yang bebas dan berdaya saing juga pastinya akan menarik lebih ramai pemain industri ke dalam pasaran.

Ia selaras dengan matlamat Kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai

sebuah negara yang menjadi tumpuan pelaburan di persada antarabangsa.

Pemain-pemain industri yang sedia ada juga akan kekal dalam pasaran memandangkan pasaran Malaysia berteraskan prinsip persaingan yang adil dan bebas.

Oleh yang demikian, sebarang perlakuan anti-persaingan seperti kartel dan penyalahgunaan kuasa monopoli/dominan yang terbukti menyumbang kepada herotan atau gangguan pasaran perlu ditangani bagi menjamin pertumbuhan ekonomi negara yang mampan.

5. Contoh amalan perniagaan yang tidak mementingkan keadilan social adalah apabila mereka secara bersama menetapkan harga jualan jauh melebihi kos pengeluaran untuk meraih keuntungan maksimum

Dalam keadaan ini, berlakunya amalan perniagaan atau perusahaan yang secara bersama bersetuju untuk bertindak secara tidak adil daripada menjalankan perniagaan secara bebas dan bersaing secara adil antara satu sama lain.

6. Persaingan dalam pasaran juga boleh terjejas oleh tindakan anti-persaingan monopoli dan perusahaan yang secara

bersendiri, ataupun bergabung dengan perusahaan lain, mendominasi pasaran.

Tindakan seperti ini dianggap sebagai penyalahgunaan kedudukan dominan.

7. Antara amalan persaingan lain yang tidak sihat ialah penyalahgunaan kedudukan dominan sesebuah perusahaan yang menyebabkan terkesannya perusahaan lain yang terpaksa memberhentikan operasi kerana tidak dapat bersaing ataupun terus terkeluar daripada pasaran.

Hadirin Hadirat yang dimuliakan,

8. Pengguna akan rugi jika mereka mempunyai kurang pilihan, berhadapan dengan harga tinggi dan barangan yang berkemungkinan tidak bermutu.

Perusahaan yang merupakan pengguna barangan dan perkhidmatan dalam urusan perniagaan mereka sendiri akan turut rugi kerana produk yang perlu mereka beli dinafikan kepada mereka atau dijual melalui syarat-syarat yang tidak adil – seperti pada harga tinggi, syarat pembayaran yang tidak adil, dan sebagainya.

Ekonomi tidak akan berkembang kerana perusahaan baharu tidak dapat menembusi pasaran dan perusahaan sedia ada tidak mempunyai insentif untuk menjadi inovatif dan cekap.

9. Keadaan ini sudah semestinya akan memberi impak negatif ke atas kesejahteraan hidup masyarakat, kerana pengguna terpaksa membeli dengan harga yang lebih tinggi, dan mereka tidak mempunyai pilihan untuk mendapatkan perkhidmatan atau barangan dengan harga yang munasabah.

Seterusnya keadaan pasaran yang kurang menekankan persaingan yang sihat akan membebankan rakyat daripada segi

perbelanjaan dan dengan itu meningkatkan kos sara hidup mereka.

Hadirin Hadirat yang dimuliakan,

10. Manfaat untuk mengadakan undang-undang persaingan amat penting dalam mewujudkan amalan persaingan yang sihat dalam ekonomi.

Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) ditubuhkan bagi memastikan pelaksanaan dan penguatkuasaan undang-undang persaingan di Malaysia dijalankan dengan telus, teratur serta bebas daripada pengaruh luar.

Tribunal Rayuan Persaingan, yang merupakan urus setia Simposium pada hari ini, pula berfungsi untuk memberi ruang kepada proses rayuan oleh mana-mana orang yang terjejas akibat keputusan pelanggaran-pelanggaran, jumlah penalti yang dikenakan dan langkah-langkah sementara (*“interim measures”*) yang dibuat oleh MyCC.

Di antara kes Rayuan persaingan yang telah didengar dan diputuskan oleh Tribunal Rayuan Persaingan ialah seperti berikut:

- Malaysia Airline System Berhad v. Suruhanjaya Persaingan, dan

- My E.G. Services Bhd & My E.G. Commerce Sdn Bhd. v. Suruhanjaya Persaingan

Hadirin hadirat yang dimuliakan,

11. Persaingan memaksa perusahaan menjadi lebih cekap, inovatif dan responsif terhadap permintaan pengguna.

Manfaat persaingan ialah harga yang kompetitif, produk lebih bermutu, pilihan yang lebih luas untuk pengguna serta tahap kecekapan lebih tinggi oleh perusahaan dan ekonomi secara keseluruhan.

12. Persaingan yang setara akan memberikan manfaat kepada perusahaan kecil dan rakyat.

Ia hanya akan wujud apabila pasaran berfungsi dengan baik iaitu dengan adanya persaingan yang adil.

Persaingan yang setara secara tidak langsung akan melindungi rakyat kerana ia akan memastikan produk dan perkhidmatan dapat ditawarkan dengan harga yang berpatutan, berkualiti serta mempunyai banyak pilihan.

Dengan menggalakkan persaingan yang setara, pengusaha akan menjadi lebih kreatif, efisien dan berdaya saing

seterusnya memacu pertumbuhan ekonomi negara.

13. Rakyat sebagai antara penerima manfaat secara tidak langsung kepada persaingan yang setara perlu memainkan peranan dengan lebih aktif dalam memberikan input kepada pihak berwajib seperti MyCC jika mereka mengesyaki berlakunya aktiviti penetapan harga, perjanjian eksklusif, tipuan bida dan apa sahaja aktiviti yang menjurus kepada persekitaran perniagaan yang anti-persaingan.

Hadirin Hadirat yang dimuliakan,

14. Kerajaan menerusi pelbagai kementerian dan agensi sentiasa berusaha memberikan sokongan kepada pengusaha untuk berjaya dalam industri masing-masing.
15. Dalam Belanjawan 2020, pelbagai inisiatif berkenaan perkara ini telah diumumkan, termasuklah pakej galakan pelaburan istimewa dan geran padanan automasi pintar.
16. Dengan inisiatif-inisiatif ini, diharapkan agar pengusaha dan sektor korporat terus berkembang maju dan turut sama memainkan peranan yang lebih aktif dalam membantu Kerajaan mengurangkan kos sara hidup dalam kalangan rakyat.

17. Selain itu, pengusaha-pengusaha juga perlu melaksanakan aktiviti-aktiviti tanggungjawab sosial korporat (CSR) kepada kumpulan sasaran.

18. Mereka juga boleh turut menyumbang idea dan bekerjasama dengan Kerajaan melalui Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL).

Saya diamanahkan mempengerusikan Majlis ini, yang berperanan sebagai **badan utama bagi menangani isu-isu dan cabaran berhubung kenaikan kos sara hidup** yang memberi kesan kepada kesejahteraan rakyat.

19. Selain itu, **NACCOL** bertujuan untuk **memperkokuh dan menyelaraskan pelaksanaan strategi – strategi dan pelan tindakan berkaitan isu sara hidup dengan berkesan melalui kerjasama strategik merentasi sektor awam dan swasta** agar segala inisiatif yang dirancang dapat dilaksanakan secara holistik dan bersepadu.

Hadirin Hadirat dimulihkan,

20. Saya difahamkan yang hadir ke Simposium pada hari ini merupakan wakil pengurusan atasan Kementerian, Jabatan dan Agensi Kerajaan, wakil pihak industri perniagaan dari pelbagai sektor, wakil


persatuan-persatuan pengguna dan juga universiti-universiti.

21. Syabas saya ucapkan kepada tuan-puan kerana meluangkan masa untuk mendengar dan mengambil bahagian dalam diskusi di Simposium ini.

Ambillah manfaat dan teruskan sifat keterbukaan ini demi ke arah meningkatkan persaingan yang setara dan adil.

22. Saya yakin sesi “Diskusi Persaingan Setara dan Kos Sara Hidup ‘Seiring dan Sejalan’” ini dapat menghasilkan percambahan fikiran dan idea yang boleh diterjemahkan kepada polisi mapan ke arah persaingan setara dan kemakmuran

ekonomi yang boleh memberi manfaat kepada masyarakat Malaysia keseluruhannya.

23. Dengan lafaz  dengan ini saya merasmikan penutupan SIMPOSIUM PERSAINGAN SETARA DAN KOS SARA HIDUP “SEIRING DAN SEJALAN” dan mendoakan Simposium ini akan mencapai objektifnya.

وَبِاللَّهِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih.